

BERITA COVID-19 | besar di Sabah dibenarkan | 2,468 kes baharu COVID-19 - KP Kes



EKONOMI

Teladan Setia Group Bhd sasar jana RM77.3 juta daripada IPO

KUALA LUMPUR, 23 Feb – Pemaju hartaanah berpangkalan di Melaka, Teladan Setia Group Bhd, yang dijadualkan untuk disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd pada 16 Mac, 2021, berhasrat menjana perolehan RM77.3 juta daripada pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO).

Daripada jumlah itu, RM35.0 juta (45.3 peratus) akan diperuntukkan untuk pengambilalihan tanah di Melaka, RM33.1 juta (42.8 peratus) untuk modal kerja pembangunan projek, RM4.0 juta (5.2 peratus) untuk pembayaran balik pinjaman bank dan baki RM5.2 juta (6.7 peratus) untuk perbelanjaan penyenaraian.

Pengarah Urusan, Richard Teo Lay Ban berkata dengan rekod memberangsangkan selama dua dekad sebagai pemaju hartaanah di Melaka, syarikat itu telah membina reputasi pasaran yang mantap dalam kalangan penduduk tempatan.

"Kami amat yakin langkah penyenaraian ini akan membolehkan kami memperkuatkan kedudukan dalam industri dengan memperoleh akses ke pasaran modal yang boleh mendorong rancangan pengembangan kami," katanya kepada wartawan pada majlis pelancaran prospektus digital maya pada Selasa.

Teladan Setia adalah pemaju hartaanah dengan portfolio pembangunan yang pelbagai merangkumi hartaanah kediaman (bertanah), bertingkat (rendah dan tinggi) serta rumah kedai, pejabat, dan kedai runcit.

Sejak ditubuhkan pada 1997, Teladan Setia telah menyelesaikan projek hartaanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM2.1 bilion.

Pada masa ini, ia memiliki tanah yang belum dibangunkan seluas sekitar 29.9 hektar, dengan kebanyakannya terletak di Melaka.

Teo berkata dengan pengenalan semula Program Kempen Pemilikan Rumah (HOC) oleh kerajaan, persekitaran kadar faedah yang rendah, projek pembangunan menarik yang dalam perancangan, syarikat percaya faktor-faktor ini mampu merancakkan pembelian hartaanah.

"Tempoh mendatang akan menjadi lebih menarik dengan projek pembangunan yang sedang berlangsung dan akan datang kami, masing-masing dalam anggaran GDV RM623.0 juta dan RM995.2 juta," jelasnya.

Teo berkata ada tiga projek yang sedang berjalan sekarang iaitu Taman Belimbing Setia, Taman Desa Bertam dan Bali Residences.

Beliau menambah persekitaran pasaran semasa juga memberi peluang kepada syarikat untuk berkembang kerana harga tanah pada masa ini amat menarik.

"Kami kini sedang berusaha memperoleh enam bidang tanah dengan gabungan keluasan 58.76 hektar pada harga RM39.4 juta di Melaka. Bidang-bidang tanah ini, bersama dengan pengambilalihan tanah yang akan dilaksanakan daripada hasil IPO dalam waktu terdekat, akan meningkatkan lagi keluasan tanah sedia ada kami untuk pembangunan masa depan."

Bergerak ke hadapan, Teo berkata kumpulan amat yakin terhadap prospek pertumbuhan syarikat kerana industri pembangunan hartaanah di Melaka disokong oleh asas-asas jangka panjang yang kukuh.

Tawaran IPO Teladan Setia melibatkan terbitan awam sebanyak 161.1 juta saham baharu yang mewakili 20 peratus daripada modal sahamnya yang diperbesar, bersama dengan tawaran jualan 40.8 juta saham sedia ada, yang mana akan ada terbitan awam sebanyak 161.1 juta saham baharu terdiri daripada 40.3 juta saham baharu tersedia untuk orang awam Malaysia dan 10.5 juta saham baharu diperuntukkan kepada pengarah, pekerja dan mereka yang layak yang telah menyumbang kepada kejayaan kumpulan.

Sementara itu, 80.5 juta saham baharu yang lain diketepikan melalui penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta 29.8 juta saham baharu melalui penempatan persendirian kepada pelabur terpilih serta tawaran untuk penjualan sebanyak 40.8 juta saham sedia ada dengan cara penempatan persendirian kepada pelabur terpilih.

Dengan pelancaran prospektus Teladan Setia, permohonan untuk terbitan awam dibuka mulai hari ini dan akan ditutup pada 2 Mac, 2021 jam 5 petang.

Setelah disenaraikan, Teladan Setia akan memiliki permodalan pasaran RM386.5 juta berdasarkan harga terbitan RM0.48 dan modal sahamnya yang diperbesar sebanyak 805.3 juta saham.